



MOHD. ISA ABDUL SAMAD (tengah) bergambar dengan sebahagian daripada pelajar IPT dalam pelancaran kad FU4U Siswa pada Karnival Jom Ke Stadium 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai semalam. - UTUSAN/ ASWAD YAHYA

FU4U sasar lebih ramai penyokong

SEREMBAN - Kelab Bola Sepak Felda United menasarkankan lebih ramai penyokong terdiri daripada kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) selepas memperkenalkan kad Felda United For You (FU4U) Siswa, semalam.

Penaung kelab, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, inisiatif memperkenalkan kad tersebut kepada siswa turut bertujuan memberi peluang kepada mereka menikmati potongan harga barangan serta



perkhidmatan terpilih di seluruh negara.

"Dalam masa sama, kita juga mahu memupuk semangat setia kepada pasukan selain mengumpul seramai mungkin ahli untuk menyokong kelab Felda United.

"Justeru, kita menjangkakan sebanyak 3,000 keping kad FU4U Siswa bakal terjual sekali gus mereka dapat menikmati lebih banyak kelebihan yang disediakan," katanya kepada pemberita pada majlis Pelancaran

Kad FU4U Siswa dekat sini, semalam.

Isa yang juga Pengerusi Felda memberitahu, antara kelebihan memiliki kad keahlian FU4U Siswa adalah perlindungan insurans kemandangan selain menikmati diskaun bagi pembelian tiket bas ekspres, tiket penerbangan, Touch & Go serta barangan keluaran anak syarikat Felda.

Pemegang kad FU4U Siswa juga mempunyai kemudahan tanpa perlu beratur untuk membeli tiket perlawanan bola sepak di stadium.